

25 JUL 1999

Mahathir-Korea

PENERBANGAN TERUS DARI SEOUL KE LANGKAWI MUNGKIN DIADAKAN, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 25 Julai (Bernama) -- Malaysia sedang menimbang untuk membenarkan penerbangan terus dari Seoul ke Langkawi sebagai langkah menggalakkan industri pelancongan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kemungkinan akan ada penerbangan sewa khas atau biasa pada masa depan kerana jumlah ketibaan pelancong dari Korea kini meningkat.

"Malah buat masa ini ada penerbangan sewa khas dari Jerman terus ke Langkawi," katanya kepada sekumpulan wartawan Korea pada majlis dialog selepas menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman antara Tema Teladan Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Emkay Group of Companies dan Golden Life Resort Bhd di sini.

MoU itu ialah bagi pembelian 220 unit banglo, kotej dan apartmen di Langkawi Lagoon di sini oleh Tema Teladan bagi pasangan berbulan madu Korea.

Kira-kira 600,000 pasangan Korea berbulan madu di negara-negara negara di seluruh dunia setiap tahun, menurut perangkaan pelancongan Korea Selatan.

Sekumpulan wakil media Korea termasuk editor dan wartawan kanan dari media cetak dan elektronik utama negara itu berada di sini untuk membuat liputan majlis menandatangani MoU itu.

Dr Mahathir turut menggesa bagi pertukaran kebudayaan dan maklumat yang lebih kerap antara kedua-dua negara untuk meningkatkan persefahaman yang lebih erat antara rakyat.

Beliau juga mencadangkan pertukaran video mengenai tempat-tempat pelancongan menarik seperti resort dan kawasan desa.

"Perlu juga ada pertukaran berita antara kedua-dua negara. Kita mahu tahu mengenai Korea daripada media Korea, akhbar dan televisyen," katanya.

Ini, katanya akan menyumbang ke arah hubungan yang lebih baik Korea-Malaysia.

Perdana Menteri turut menyambut baik pelaburan Korea dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) seperti penubuhan kemudahan penyelidikan dan pembangunan, mengeluarkan komponen komputer serta menggunakan kemudahan di sana.

MSC merupakan kawasan 50km kali 15km terletak di selatan Kuala Lumpur yang dikhaskan bagi pembangunan multimedia dan industri berkaitan teknologi maklumat.

"MSC berbeza daripada kawasan perkhidmatan multimedia di negara lain di dunia kerana MSC mengamalkan undang-undang siber dan menempatkan kemudahan infrastruktur di sebuah tempat.

"Warga Korea malah boleh menggunakan MSC untuk menjual produk mereka kerana anda boleh menjual apa saja ke mana-mana tempat di seluruh dunia dari MSC," katanya.

Katanya para pelajar Korea turut dialu-alukan belajar di Universiti Multimedia terletak dalam MSC.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak meletakkan sebarang larangan bagi orang asing membeli hartanah di Malaysia.

Bagaimanapun Malaysia mengenakan cukai bagi penjualan semula hartanah dalam tempoh kurang daripada lima tahun dan tidak mengenakan cukai hartanah selepas tempoh lima tahun.

"Kami tidak mahu orang membeli hartanah, membuat untung dan pergi," katanya.

Semasa menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata aspek ekologi dan alam sekitar bagi projek Langkawi Lagoon telah dikaji semasa kelulusan kesan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) diberi.

"Di Malaysia sebarang projek tidak boleh dilaksanakan tanpa EIA. Kami amat mengambil berat tentang alam sekitar. Pokok-pokok tidak dibenarkan ditebang sesuka hati. Malah anda boleh lihat sebatang pokok dalam sebuah bilik di hotel Sheraton Langkawi," katanya.

Ditanya oleh seorang wartawan sama ada beliau bersedia menjadi model bagi iklan untuk menggalakkan pelancongan negara, Perdana Menteri secara berjenaka berkata: "saya bukan pelakon yang baik."

Langkawi Lagoon berharga RM300 juta itu dimajukan oleh Emkay Group di kawasan 20 hektar berhampiran Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi berdasarkan konsep resort di kawasan dermaga dan pembangunan pelancongan dengan tema perkampungan nelayan Malaysia di bina atas kaki bajang.

Projek itu termasuk 178 banglo dua tingkat, 675 kotej, 838 apartmen rendah, kawasan komersil dan emporium bebas cukai.

-- BERNAMA

JM RON